

NO. SOALAN: 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI
ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]
TARIKH : 18.5.2015 (ISNIN)

PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]
minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN**
KEPENGGUNAAN menyatakan apakah tindakan yang diambil kepada
peniaga, pembekal, pemborong dan pengilang sekiranya tidak
mematuhi Panduan Harga Pengguna yang telah di keluarkan oleh pihak
Kementerian dan berapakah jumlah tangkapan yang telah dibuat
mengikut negeri?

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Buku Panduan Harga Pengguna merupakan panduan atau rujukan umum bagi harga barang keperluan asas yang terpilih sahaja dan ia tidak boleh digunakan sebagai rujukan untuk apa-apa tindakan undang-undang.

Walau bagaimanapun, Kementerian mengambil beberapa tindakan proaktif bagi menangani para peniaga, pembekal, pemberong dan pengilang yang menaikkan harga untuk tujuan mencatut. Tindakan-tindakan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Penguatkuasaan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** dan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014.**
- ii. Melaksanakan **OPS CATUT Fasa 1** yang telah berkuatkuasa pada **15 Januari hingga 31 Mac 2015**. Sepanjang pelaksanaannya, sebanyak **597,833 pemeriksaan** telah dijalankan di seluruh negara. Dari jumlah ini, sebanyak **2,871 kes** telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak **RM492,137** dan nilai kompaun sebanyak **RM335,166**. Manakala di bawah **seksyen 21 AKHAP 2011** sebanyak **286 Notis** telah dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barang.

- iii. Melaksanakan **OPS CATUT Fasa 2** yang dikuatkuasakan mulai **1 April 2015**. Sehingga **14 Mei 2015**, sebanyak **283,245 pemeriksaan** telah dijalankan di seluruh negara. Dari jumlah ini, sebanyak **815 kes** telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak **RM134,830** dan nilai kompaun sebanyak **RM122,250**. Manakala di bawah **seksyen 21 AKHAP 2011** sebanyak **819 Notis** telah dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barang.
- iv. Kementerian juga bekerjasama dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) dalam operasi bersepada menerusi **OPS PEMATUHAN GST-CATUT** bermula **1 hingga 15 April 2015**.
- v. **Pengeluaran Notis** dibuat di bawah seksyen 21 AKHAP 2011 ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara. Peniaga yang gagal atau enggan memberi penjelasan terhadap kenaikan tersebut atau gagal mengemukakan maklumat yang diarahkan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga 14 Mei 2015, sebanyak **8 kes** telah **didakwa dan dikompaun** di bawah **seksyen 14(1)** dan **seksyen 21(5)** AKHAP 2011 iaitu 2 kes di Melaka, 2 kes di Pulau Pinang, 1 kes di Kelantan, 1 kes di Putrajaya, 1 kes di Johor dan 1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.